

KHUTBAH JUMAAT

“RAMADAN: TIBANYA DINANTI, PERGINYA DIRINDUI” (20 Mac 2026M)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ رَمَضَانَ شَهْرًا مُبَارَكًا، وَفَرَضَ فِيهِ الصِّيَامَ وَأَعَدَّ فِيهِ فَضْلًا كَبِيرًا وَأَجْرًا عَظِيمًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : **‘Ramadan: Tibanya Dinanti, Perginya Dirindui’**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sudah menjadi lumrah, setiap yang datang akan pergi. Begitulah juga dengan Ramadan, datang dan pergi. Mukmin yang sejati pasti akan terasa hiba dan sedih di hati. Ketibaan Ramadan disambut dengan meriah, ketakwaan dan niat-niat yang murni. Maka begitulah juga sewajarnya ketika kita mengucapkan selamat tinggal kepada bulan yang penuh berkat ini.

Jika sejak awal Ramadan kita belum sempat beribadah dan melakukan kebaikan yang sepatutnya, maka jangan jadikannya alasan untuk tidak berusaha pada hari terakhirnya. Bahkan, jadikan perkara itu pemacu semangat untuk kita mengakhiri Ramadan kali ini dengan sebaik-baiknya. Daripada Sahl bin Saad as-Sa'idi *radiallahu anhu* bahawa *Rasulullah sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَإِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِخَوَاتِيمِهَا))

Maksudnya: *Sesungguhnya amalan-amalan seseorang hamba itu bergantung kepada amalan-amalan penutupnya.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Justeru, manfaatkanlah peluang dan kesempatan pada baki masa yang masih ada dan seterusnya pada setiap masa untuk kita melakukan amalan soleh. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 148:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيُّهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ
جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (١٤٨)

Maksudnya: *Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kita amat bersyukur ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala* kerana telah memberikan kesempatan kepada kita untuk beribadah sepanjang bulan Ramadan kali ini. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menerima segala amal ibadah kita dan seterusnya memanjangkan umur kita untuk bertemu lagi dengan Ramadan pada tahun-tahun yang akan datang.

Begitulah keadaannya generasi Islam yang terdahulu seperti yang dinukilkan oleh Imam Ibnu Rajab al-Hanbali *rahimahullah* di dalam kitabnya *Lato'if al-Ma'arif* bahawa :

"Sebahagian ulama salaf (iaitu generasi awal Islam) berkata bahawa mereka berdoa kepada Allah, enam bulan lebih awal agar dipertemukan dengan Ramadan, dan kemudian enam bulan selepasnya (Ramadan) pula mereka sibuk berdoa agar diterima segala ibadah mereka semasa Ramadan."

Sepanjang berada dalam Ramadan, kita menyadari bahawa ramai dalam kalangan kita yang telah membiasakan diri untuk menyempurnakan pelbagai bentuk ibadah khususnya puasa, bacaan al-Quran, zikir, doa, infak harta melalui sedekah dan zakat, melazimi qiamullail dengan pelaksanaan solat sunat terawih, witr dan lain-lain solat sunat.

Kemanisan dan keghairahan dalam beribadah mula dapat dirasa dan dinikmati. Nilai positif inilah yang menjadi penggerak untuk kita terus berusaha meraih keredaan dan keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Ankabut, ayat 69:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: *Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang yang berusaha memperbaiki amalannya.*

Berusahalah untuk memperkukuhkan nilai takwa yang telah dipupuk sepanjang Ramadan dengan ketaatan terhadap segala perintah dan larangan Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam* pada setiap masa dan keadaan. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menerima segala amalan dan kebaikan yang telah kita lakukan.

Justeru, demi memastikan didikan Ramadan kekal sepanjang masa, maka kita perlu mempunyai kefahaman yang jelas bahawa segala amalan kebaikan yang dilakukan pada bulan Ramadan adalah kerana tanggungjawab kita sebagai hamba Allah *subhanahu wata'ala* dan bukannya kerana bulan-bulan atau perayaan tertentu semata-mata. Dengan itu, segala rutin yang telah dilalui sepanjang Ramadan akan mampu untuk dilaksanakan pada bulan-bulan seterusnya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini juga, khatib ingin mengingatkan kepada para jemaah yang akan bermusafir pulang ke kampung halaman masing-masing, sentiasalah kita mengamalkan sikap berhati-hati di jalan raya. Berhemah dan bersikap toleransi dengan pengguna kenderaan yang lain. Pastikan tahap kesihatan dalam keadaan baik, selenggara kenderaan sebelum memulakan perjalanan serta pastikan kediaman ditinggalkan dalam keadaan selamat. Inilah antara langkah yang wajar kita lakukan bagi menjamin keselamatan sebelum berdoa dan bertawakal kepada Allah.

Dengan tibanya Aidilfitri, jangan dilupakan insan-insan di sekeliling kita. Utamakanlah ahli keluarga dan jiran tetangga yang perlu dibantu dan disantuni. Masih ada dalam kalangan mereka yang menghadapi kehidupan susah apatah lagi tidak mampu untuk membuat persiapan sempena hari lebaran. Justeru, bantulah mereka sedaya yang mampu. Alangkah indahnya Syawal jika kegembiraan yang dirasakan dapat juga dinikmati oleh mereka yang kurang berkemampuan.

Di samping itu, bagi yang belum menunaikan kefarduan membayar zakat fitrah pada Ramadan ini, bersegeralah menunaikannya sebelum berakhirnya hari raya pertama dengan terbenamnya matahari. Bayarlah melalui amil-amil zakat yang telah dilantik oleh pihak Majlis Islam Sarawak melalui Tabung Baitulmal Sarawak.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, malam hari raya adalah malam-malam yang digalakkan oleh para ulama untuk kita memperbanyakkan amal ibadah seperti solat sunat tahajjud, bacaan al-Quran, zikir dan doa. Imam asy-Syafie *rahimahullah* menyatakan dalam kitabnya *al-Umm*:

"وَبَلَّغْنَا أَنَّهُ كَانَ يُقَالُ إِنَّ الدُّعَاءَ يُسْتَجَابُ فِي خَمْسٍ لَيَالٍ: لَيْلَةُ الْجُمُعَةِ، وَلَيْلَةُ الْأَضْحَى، وَلَيْلَةُ الْفِطْرِ، وَأَوَّلَ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ"

Maksudnya: *Telah sampai kepada kami bahawa dikatakan doa itu mustajab pada lima malam iaitu malam Jumaat, malam hari raya Aidil Adha, malam hari raya Aidilfitri, malam pertama Rejab dan malam Nisfu Sya'ban.*

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak para jemaah sekalian untuk menghayati beberapa perkara berikut sebagai panduan dan pedoman bersama:

Pertama : Bermuhasabah akan memberi kesedaran dan keinsafan dalam diri kita. Oleh Itu, mohonlah keampunan daripada Allah

subhanahu wata'ala dan bertaubatlah atas segala dosa yang pernah kita lakukan.

Kedua : Bersyukurlah kepada Allah *subhanahu wata'ala* yang memanjangkan usia kita sehingga di fasa terakhir Ramadan tahun ini dan berdoalah agar kita bertemu lagi dengan Ramadan pada tahun-tahun yang mendatang.

Ketiga : Malam hari raya adalah malam-malam yang digalakkan oleh para ulama untuk kita memperbanyakkan amal ibadah seperti solat tahajjud, bacaan al-Quran, zikir dan doa.

Seterusnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hasyr, ayat 18 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ
اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita mendapat berkat. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Jauhkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka

perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, janganlah biarkan Ramadan pergi tanpa meninggalkan kesan keinsafan di hati-hati kami, islah dan kebaikan terhadap keperibadian diri, keampunan terhadap segala dosa dan kesalahan, tanpa diterimanya segala doa dan amalan ketaatan. Lindungilah kami dan ahli keluarga kami daripada tipu daya syaitan dan fitnah dunia serta azab api neraka, masukkanlah kami ke dalam syurga. Selamatkanlah setiap seorang dari kami dgn iman dan taqwa. Sempurnakanlah akhlak kami. Temukanlah kami kembali dengan Ramadan yang akan datang.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيَكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.